

Arahan : Jawab semua soalan di dalam ruangan yang disediakan menggunakan **huruf kecil**.

KUIZ BAB 1	4
TINGKATAN	1
MATA PELAJARAN	
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI	

1. Apakah tujuan utama reka bentuk?

A	Kepentingan tertumpu kepada pengguna, masyarakat dan negara dalam urusan seharian
B	Dijadikan asas dalam penghasilan produk sebenar yang bermanfaat untuk kehidupan manusia
C	Memberi kebebasan kepada pengguna memilih, menggunakan produk atau perkhidmatan mengikut citarasa
D	Merupakan penyumbang kepada teknologi moden serta pembangunan sains dan sosial

2. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** kepentingan reka bentuk dan teknologi?

A	Menyumbang kepada perkembangan teknologi moden
B	Menyumbang kepada pembangunan sains, social dan perniagaan
C	Menyumbang kepada pembelajaran dan Pendidikan negara
D	Memupuk nilai invensi, inovasi dan kreatif

3. Grafik, komunikasi, pengimejan dan muzik merupakan sub bidang

Penyataan di atas merujuk kepada

A	Maklumat dan komunikasi
B	Kejuruteraan
C	Industri
D	Sains gunaan

4. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** sub bidang pengangkutan?

A	Ruang angkasa
B	Lautan
C	Kenderaan bermotor
D	Kejuruteraan angkatan laut

5. Antara berikut yang manakah **BUKAN** peranan reka bentuk bagi individu?

A	Memberikan kebebasan memilih kepada pengguna
B	Menjadikan pengguna lebih kreatif
C	Memupuk sikap bersyukur
D	Melindungi dan memelihara etika sosial

6. Antara berikut, yang manakah peranan reka bentuk bagi pengeluar dan negara?

A	Memberikan kebebasan memilih kepada pengguna
B	Melahirkan nilai-nilai estetika
C	Membentuk masyarakat lebih bertamadun
D	Melindungi hak cipta rakyat

7. Padankan etika dalam reka bentuk dengan pernyataan yang betul.

Keaslian
Jujur
Bermanfaat
Mesra alam sekitar

Produk yang dihasilkan dapat digunakan oleh orang ramai
Menggunakan sumber semula jadi tanpa menjejaskan alam sekitar
Mereka produk dengan usaha sendiri
Mendapat keuntungan tanpa membebankan pengguna